

**Kebiasaan Baharu (*New Normal*) Dalam Pelaksanaan *Sulh* Kes *Hadhanah* Dan *Nafkah* Anak:
Isu Dan Cabaran****The New Normal of *Sulh* Implementation in Child Custody (*Hadhanah*) and Child Support
(*Nafkah*): Issues and Challenges**ⁱ Ruzita Ramli, ⁱ Dina Imam Supaat, ⁱ Hasnizam Hashim

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

(Corresponding Author) email : ruzita.syariah@gmail.com**ABSTRAK**

Islam menggalakkan penyelesaian pertikaian secara *sulh*. Pelaksanaan *sulh* di Mahkamah Syariah diwujudkan bagi mengurangkan tunggakan kes khususnya *hadhanah* dan *nafkah* anak. Penyelesaian yang dicapai melalui Majlis *Sulh* dapat dinikmati oleh klien dengan menjalani kehidupan baharu kerana kes dapat diselesaikan dalam masa yang singkat dan menjimatkan kos. Artikel ini bertujuan untuk mengetengahkan kepada pembaca bentuk kebiasaan baharu pelaksanaan *sulh* dalam kes *hadhanah* dan *nafkah* anak di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan sewaktu berhadapan dengan pandemik covid-19. Analisis terhadap kes-kes terdahulu dilakukan bagi mendapatkan maklumat berkenaan isu dan cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan *sulh*. Metodologi kajian yang digunakan adalah melalui pendekatan kualitatif dengan melakukan temubual kasual, pengumpulan maklumat dari fail kes-kes terdahulu, perpustakaan dan laman web. Hasil kajian ini dapat menyumbang kepada penambahbaikan perkhidmatan *sulh* di Mahkamah Syariah yang akan membawa kepada penyelesaian pertikaian *hadhanah* dan *nafkah* anak dengan lebih berkesan.

Kata kunci :*Sulh, norma baru, hadhanah, nafkah anak***ABSTRACT**

Islam encourages dispute resolutions through the process of *sulh*. The implementation of *sulh* process in the Sharia Courts was introduced to reduce court case backlogs, especially in child custody (*hadhanah*) and child support (*nafkah*). With resolutions achieved through *sulh* process (Majlis Sulh), clients are able to enjoy their new lives because cases are closed in a shorter time with less costs. This article is intended to highlight the new normal of the *sulh* implementation in child custody (*hadhanah*) and child support (*nafkah*) in the midst of the pandemic Covid-19. Past cases were analysed to determine the issues and challenges faced in the implementation of *sulh*. Qualitative method were used by conducting casual interviews, information gathering from past cases, as well as information from the library and the internet. This research is hoped to be able to contribute to the improvement of the *sulh* implementation in the Sharia Courts which in turn will bring to more efficient dispute resolutions for child custody (*hadhanah*) and child support (*nafkah*).

Kata kunci :*Sulh, new normal, hadhanah, child support*

Pengenalan

Pada hari ini, hampir 5 billion populasi dunia di uji dengan wabak corona virus yang dikenali sebagai covid-19 termasuk Malaysia. Dalam keadaan kebanyakan negara di dunia melaksanakan ‘lock down’, di Malaysia ia dikenali sebagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ekoran dari peningkatan pandemik covid-19, Perdana Menteri Malaysia iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan PKP selama 14 hari berkuatkuasa mulai 18 Mac hingga 31 Mac 2020 dan kemudian disambung hingga 30 April 2020. Diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) kali pertama pada 1 Mei – 9 Jun 2020 dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 10 Jun sehingga 31 Ogos 2020. Pendekatan ini diambil bagi membendung peningkatan mendadak kes positif covid-19 dan memutuskan rantaian jangkitan di seluruh negara. Langkah ini selari dengan prinsip *Maqasid Al-Syar’iyyah* iaitu memelihara nyawa.

Langkah yang diambil oleh kerajaan ini menyebabkan banyak urusan tidak dapat dijalankan seperti biasa seperti sebelumnya. Langkah ini dapat mengurangkan penularan pandemik covid-19, tetapi dalam masa yang sama memberi kesan yang amat besar kepada kehidupan rakyat dan pentadbiran negara. Pentadbiran Mahkamah Syariah antara yang turut terkesan dengan pelaksanaan PKP (Muhyiddin, 2020). Pandemik ini menyebabkan hampir keseluruhan agensi kerajaan tidak dibenarkan beroperasi termasuklah Mahkamah Syariah di Negeri Sembilan yang dikategorikan sebagai *non-essential services*, akur kepada PKP sepertimana yang diumumkan oleh kerajaan.

Hebahan penutupan operasi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNS) telah dibuat bagi tempoh PKP peringkat pertama iaitu bermula 18 Mac hingga 31 Mac 2020. Seterusnya hebahan pemberitahuan lanjutan PKP dan penutupan operasi JKSNS sehingga 14 April 2020, diikuti lanjutan tempoh tidak beroperasi selari dengan PKPB yang diumumkan oleh kerajaan. Memahami bahawa pelaksanaan PKP adalah bagi memastikan keselamatan rakyat sentiasa diutamakan daripada dijangkiti wabak covid-19, antara implikasi yang tidak dapat dielakkan adalah berlakunya lambakan kes dan keresahan terutama di kalangan masyarakat awam yang mempunyai urusan atau permasalahan yang perlu diselesaikan di Mahkamah Syariah.

Melalui laporan mesyuarat perundangan JKSNS, bilangan 1 tahun 2020, didapati dalam tempoh PKP ini juga, pelbagai aduan dan pertanyaan diterima oleh JKSNS termasuklah melibatkan pelaksanaan hak jagaan dan lawatan anak sepanjang tempoh PKP serta kedudukan pembayaran nafkah anak ekoran ramai kalangan bapa terjejas pekerjaan dan kehilangan sumber pendapatan akibat arahan PKP yang berlanjutan.

Memahami denyut nadi keresahan orang awam ini, inisiatif telah diambil oleh JKSNS yang telah mengadakan beberapa siri mesyuarat secara atas talian melibatkan Hakim, Pegawai *Sulh* dan Pendaftar bagi merencanakan garis panduan dan ketetapan berhubung persediaan pengurusan kes *sulh* dalam tempoh PKP dan pasca PKP. Mahkamah memulakan operasinya pada 5 Mei 2020, peringkat awal ini tidak semua kes terlibat sebaliknya hanya kes segera dan mendesak sahaja boleh difaiklan di Mahkamah Syariah untuk memohon perdengaran. Peraturan itu dibuat selaras dengan kelulusan diberi oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dengan setiap permohonan perlu mengemukakan Surat Perakuan Segera kepada mahkamah (Berita Harian, 2020).

Menurut YAA Dato’ Abas bin Nordin, Ketua Hakim Syarie JKSNS, melalui sesi taklimat kepada pemberita di Bilik Mesyuarat Perdana JKSNS pada 5 Mei 2020, dalam tempoh ini segala pemfailan kes adalah berpandukan kepada Garis Panduan Perbicaraan Kes-Kes Syariah bagi JKSNS semasa tempoh PKPB. Manakala kes yang boleh didengar adalah kes yang dikategorikan segera atau mendesak termasuk perceraian, khususnya pengesahan lafaz cerai, kes persetujuan bersama yang boleh diselesaikan dalam tempoh singkat atau sehari, penguatkuasaan perintah nafkah (persetujuan bersama) dan permohonan injunksi serta kes yang membabitkan tempoh atau had masa seperti keperluan memfaiklan notis rayuan. Ini bererti secara umumnya kes-kes yang melibatkan *sulh* hanya bermula sepenuhnya selepas tempoh PKPB kali pertama.

Justeru, artikel ini akan mengetengahkan beberapa pendekatan kebiasaan baharu yang diambil oleh JKNSN terhadap pelaksanaan *sulh* dalam kes *hadhanah* dan nafkah anak akibat pandemik covid-19, isu dan cabaran dalam pelaksanaannya serta cadangan sebagai penambahbaikan.

Latar belakang

Lewat tahun 90 an, pelbagai kecaman dan kritikan kerap dilaporkan dalam media massa berkenaan ketidakcekapan Mahkamah Syariah dalam mengendalikan keadilan, banyak kes tertangguh dan juga bias terhadap klien utamanya iaitu ‘wanita’ seperti “*Bias against women must stop - Shariah Court continued to treat women unfairly and often made decisions in favor of men, mainly because of the chauvinistic attitudes of the officers*” (NST, 1996; Zaleha, 1999). Kenyataan-kenyataan akhbar ini telah memberi tamparan yang hebat kepada mereka yang terlibat dalam dunia kehakiman dan guaman Islam di Malaysia ketika itu. Kesannya masyarakat yang tidak terlibat dengan Mahkamah Syariah turut merasa marah dengan situasi ini sehingga mereka kadangkala terikut-ikut untuk mengecam Mahkamah Syariah (Utusan Malaysia, 2002).

Satu kajian yang dijalankan oleh pertubuhan wanita bukan kerajaan iaitu *Sisters in Islam* mendapati bahawa ramai wanita terutamanya yang berurusan dengan Mahkamah Syariah kecewa dengan prosiding dan proses keadilan Mahkamah Syariah (SIS, 1999). Proses perbicaraan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan dan penangguhan ke satu tarikh yang lain adalah tidak berasas. Wanita-wanita yang berurusan dengan mahkamah ini berpendapat bahawa penangguhan kes yang kerap sebenarnya membuang masa. Kekecewaan ini dirasai oleh wanita-wanita ini kerana penangguhan kes dan kelewatan menyelesaikan kes seperti *hadhanah* dan nafkah anak melibatkan tekanan perasaan - marah, emosi dan kecewa. Lebih teruk lagi apabila penangguhan tersebut melibatkan kos yang perlu ditanggung oleh mereka ini dalam usaha mereka untuk mendapatkan hak mereka sendiri ataupun hak anak seperti nafkah anak (Maznah, 2000). Penangguhan sebegini boleh menjelaskan proses keadilan. Kelewatan Mahkamah Syariah dalam menyelesaikan kes *hadhanah* dan nafkah anak memberi kesan bukan sahaja kepada pasangan yang bercerai, malah kesan turut dirasai oleh anak-anak yang mengalami perpisahan ibubapa mereka. Dalam hal ini, Mahkamah Syariah merupakan agensi yang bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan bantuan dan sokongan berbentuk perundangan bagi menyelesaikan isu-isu kekeluargaan termasuklah hadhanah dan nafkah anak terhadap pasangan yang telah bercerai. Menurut Asmidah (2015) pertikaian penjagaan kanak-kanak (*hadhanah*) dan nafkah anak yang timbul selepas perceraian ibu bapa perlu ditangani secara berkesan dan mesra untuk mengelakkan lebih banyak kesan negatif terhadap perkembangan kanak-kanak tersebut. Litigasi perundangan kekeluargaan sekiranya tidak didasari dengan sifat tolak ansur boleh menjadi medan permusuhan yang tidak berkesudahan antara pasangan yang bertikai.

Kecaman, teguran dan kritikan dari pelbagai pihak di awal penubuhan kehakiman syariah pada tahun 90 an, telah dilihat sebagai satu cabaran kepada Institusi Kehakiman Islam di Malaysia. Kini, Mahkamah Syariah telah melalui pelbagai perubahan dari segi pentadbiran, bidang kuasa, personel dan juga taraf. Ini termasuklah memperkenalkan perkhidmatan baharu iaitu kaedah penyelesaian pertikaian alternatif yang dinamakan sebagai *sulh* bermula pada tahun 2001, sebagai pilihan penyelesaian secara adversarial bagi mengurangkan kes tertangguh, menjimatkan masa dan kos semua pihak. Nurah Sabahiah (2013) berpandangan disebabkan kesukaran prosedur dan teknikal, cara alternatif untuk menyelesaikan pertikaian menjadi pilihan yang baik bagi pihak yang bertikai untuk menyelesaikan perselisihan mereka dengan cara damai. Ia merupakan proses sukarela dan tidak formal yang melibatkan pihak ketiga yang tidak memihak kepada sesiapa dan bertindak sebagai pengantara, yang memainkan peranan membantu pihak yang bersengketa untuk mencapai solusi yang memuaskan pihak-pihak (Kamarudin dan Abd Aziz, 2014). Banyak negara seperti Amerika Syarikat, Singapura, New Zealand dan Australia mewajibkan untuk ibu bapa menjalani proses penyelesaian pertikaian alternatif dalam menguruskan pertikaian penjagaan anak sebelum proses litigasi bermula (Saodah dan Nora, 2010; Nora, 2012). Amalan yang sama juga ada dilaksanakan di Mahkamah Syariah Malaysia di mana apabila menerima permohonan untuk *hadhanah* dan nafkah anak, mahkamah akan menetapkan tarikh untuk kedua ibu bapa menghadiri Majlis *Sulh* yang dikendalikan oleh Pegawai *Sulh* (Sa'odah, 2012). Matlamat pelaksanaan *sulh* adalah untuk mempercepatkan proses keadilan Mahkamah Syariah

khususnya mengatasi lambakan kes-kes tertangguh di mahkamah. Kes-kes dapat dipercepatkan kerana rundingan telah dibuat antara kedua-dua pihak yang terlibat. Kaedah ini juga sebagai langkah untuk mengelakkan pihak-pihak bertikai di dalam dewan mahkamah berkenaan dengan sesuatu tuntutan yang boleh dibincangkan secara mudah dan cepat tanpa perlu kepada perbicaraan di hadapan Hakim. Keputusan persetujuan pihak-pihak yang terlibat juga akan diendorskan sebagai perintah mahkamah dengan mudah dan segera tanpa perdebatan di dalam mahkamah (Raihanah, 2008).

Isu hak *hadhanah* dan nafkah anak sangat praktikal dan relevan untuk ditangani pada masa ini. Sekiranya masalah yang berkaitan dengan hak *hadhanah* dan nafkah anak dapat diselesaikan dengan cepat dan baik, ini dapat memberi manfaat kepada anak-anak itu sendiri dan juga masyarakat amnya. Seandainya isu ini tidak dapat diselesaikan akan menyebabkan bebanan emosi bukan sahaja terhadap pasangan yang bercerai, malah menimbulkan trauma psikologi kepada anak-anak dan akan meningkatkan masalah sosial di kalangan mereka terutamanya golongan belia dan akhirnya mempengaruhi perkembangan positif mereka. Oleh sebab itu, hak-hak selepas perceraian khususnya berkaitan *hadhanah* dan nafkah anak adalah isu yang sangat penting untuk diuruskan.

Mekanisme penyelesaian pertikaian alternatif (selepas ini disebut sebagai PPA) bukanlah sesuatu kaedah yang baharu dalam sistem kehakiman. Penggunaannya telah banyak diamalkan di negara luar seperti Australia, Amerika, Mesir, Hongkong dan Jepun (Nora et al., 2019; Sa'odah & Nora , 2010). Tidak ketinggalan turut diamalkan sekitar Asia Tenggara seperti Singapura termasuk Malaysia. Menurut Nur Khalidah et al. (2017) antara beberapa kaedah PPA yang diamalkan di Malaysia sebagai alternatif bagi mencapai penyelesaian adalah seperti kaedah '*arbitration*' (timbang tara / tahkim), '*mediation*' (pengantaraan), '*conciliation*' (perdamaian) dan *sulh* (perbincangan, pengantaraan / perdamaian). Terkini di Mahkamah Syariah, turut menawarkan PPA dalam bentuk Majlis Tahkim dan Proses Rundingcara Bahagian Sokongan Keluarga (Mohd Amir dan Jamalluddin, 2017; Nora dan Sarafuddin, 2017).

Sulh merupakan kaedah PPA yang dilaksanakan di semua Mahkamah Syariah di Malaysia yang menawarkan faedah-faedah seperti perkhidmatan percuma dengan pengantara terdiri daripada Pegawai *Sulh* yang berpengalaman serta berpengetahuan. *Sulh* juga antara lain dapat menjimatkan masa, tidak formal dan fleksibel yang membolehkan pihak-pihak terbabit lebih selesa untuk berbincang.

Asas pelaksanaan *sulh* adalah berdasarkan firman Allah s.w.t dalam ayat 9 surah *al-Hujurat* yang menjelaskan *sulh* dalam masalah perperangan, ayat 7-9 surah *al-Mumtahanah* yang berkaitan dengan *sulh* antara orang-orang Islam dengan bukan Muslim dan Allah s.w.t telah mengategorikan *sulh* sebagai satu aspek dari amal kebaikan melalui 114 surah *al-Nisa'*.

Allah berfirman,

وَإِنْ خَفْتُمُ شَقَاقَ بَيْنَهُمَا فَابْعُثُوا حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِ
وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلَهَا إِنْ يُرِيدَا إِصْلَاحًا يُوَقِّقُ اللَّهُ بَيْنَهُمَا إِنَّ
اللَّهَ كَانَ عَلَيْهِمَا خَبِيرًا

"Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua "orang tengah" itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpaktat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi Amat mendalam pengetahuanNya" (Al-Qur'an, al-Nisa: 35)

Contoh lain dari perintah Qur'an dengan kesan yang sama adalah:

(وَإِنْ أَمْرَأٌ خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُورًا أَوْ إِغْرِاصًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُضْلِلَا بَيْنَهُمَا صُلْحًا..)

Dan jika seorang wanita khawatir akan nusyuz (kebencian) atau sikap tidak acuh dari suaminya, maka tidak mengapa bagi keduanya mengadakan perdamaian diantara mereka berdua. (Al-Qur'an, al-Nisa: 128)

Pelaksanaan *sulh* di Mahkamah Syariah ini mengambil kira keselariannya dengan undang-undang Islam iaitu tidak ada kompromi dalam peraturan mentadbir *sulh* dan undang-undang Islam terhadap aspek *Huquq Allah* (Hak Allah) yang termasuk hukuman hudud, zakat, kafarah, dan lain-lain. Sebarang usaha untuk melangkaui peruntukan yang ditetapkan ini melalui penyelesaian bersama adalah berdosa dan tidak sah. Walau bagaimanapun, dalam *Huquq Al Ibad* (hak manusia), berkompromi dan perdamaian adalah digalakkkan dalam pengamalan kaedah tersebut selagi ia adalah adil dan saksama serta tidak melanggar mana-mana peruntukan syariah. Terdapat ijma (kesepakatan) daripada ulama-ulama Islam mengatakan bahawa kaedah bertolak ansur adalah lebih baik kerana ia merupakan kaedah penyelesaian pertikaian ditentukan dengan cara yang betul (Syed Khalid Rashid, 2004).

Disinilah uniknya proses *sulh* yang dilaksanakan di Mahkamah Syariah, dimana Pegawai *Sulh* yang mengendalikan sesi Majlis *Sulh* perlu memainkan peranan bukan sekadar sebagai pengantara mencari titik solusi kepada pertikaian semata-mata, malah peranannya adalah lebih luas iaitu perlu memastikan apa-apa persetujuan yang dicapai adalah selari dengan hukum syarak. *Sulh* di Mahkamah Syariah juga dilihat lebih mapan dan teratur kerana pelaksanaannya mendapat sokongan sepenuhnya daripada badan kehakiman Syariah itu sendiri, dan ruang untuk berbincang melalui *sulh* diberi pada mana-mana bahagian dalam prosiding.

Asas pelaksanaan *sulh* dari aspek perundangan pula adalah berpandukan Seksyen 99, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 iaitu:

“Pihak-pihak dalam apa-apa prosiding boleh, pada mana-mana peringkat prosiding itu, mengadakan sulh bagi menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah sebagaimana yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian, mengikut Hukum Syarak”.

Menurut Raihanah (2005), *Majallah Al-Ahkam Al-Adliyyah* menerangkan *sulh* sebagai akad yang menamatkan pertikaian secara sukarela dan redha meredhai. Salleh (2002) pula menerangkan bahawa *sulh* dalam terma yang lain adalah kaedah pengantaraan yang didefinisikan sebagai “proses di mana satu pihak (pihak ketiga) membantu dua pihak yang bertikai antara satu sama lain berunding dan mencapai penyelesaian secara damai”. Ini bermakna proses *sulh* merupakan ‘perundingan secara terpimpin’ (*assisted negotiation*) secara langsung kepada pihak-pihak yang bertikai oleh Pegawai *Sulh*. Dalam tempoh kajian ini dibuat, sebahagian besar pelaksanaan PPA secara *sulh* yang diamalkan di Malaysia masih bertumpu kepada pertikaian dalam hal-hal keluarga sahaja.

Justeru, bagi menyesuaikan pelaksanaan *sulh* dalam keadaan pandemik covid-19 yang masih belum reda, beberapa kebiasaan baharu (*new normal*) mula diperkenalkan di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan untuk dijadikan standard dalam usaha mengadaptasi keadaan baharu disebabkan oleh penularan covid-19. Dalam melaksanakan komitmen ini, semua pihak termasuk Pendaftar, Pegawai *Sulh*, Hakim dan klien perlulah bersedia melakukan pembaharuan dan inovasi dalam pendekatan dan pengurusan *sulh* secara berterusan.

Pernyataan masalah

Berdasarkan statistik, pelaksanaan *sulh* di Mahkamah Syariah sejak 2001 dilihat sebagai alternatif yang berkesan berbanding proses litigasi mahkamah yang mengambil masa yang lebih panjang dan kos yang lebih tinggi, sehingga mendatangkan implikasi negatif terutama kepada kanak-kanak. Keputusan yang cepat berkaitan *hadhanah* dan nafkah anak bermakna kebijakan kanak-kanak akan dilindungi dan impak perceraian adalah minimal.

Walaupun begitu, faedah masa yang singkat dan kelebihan-kelebihan lain akan terjejas, hilang dan tidak bermakna apabila pelaksanaan *sulh* sedia ada terjejas disebabkan arahan kerajaan seperti menghadkan pergerakan dalam tempoh PKP dalam usaha menghalang penularan pandemik covid-19 menyebabkan kesukaran untuk melaksanakan proses *sulh* menurut amalan biasa. Situasi ini diburukkan lagi apabila ada pihak-pihak tidak memberikan komitmen untuk menunaikan janji yang dibuat di dalam Majlis *Sulh*.

dan telah diendos oleh mahkamah. Atas sebab-sebab yang perlu diselidiki, pihak-pihak memanjangkan kes dengan membuat tuntutan ubah perintah, ini akan mengambil masa lebih lama kerana perlu mengulangi dari awal kembali proses Majlis *Sulh*. Ada yang mengambil sikap untuk tidak hadir, sehingga menyebabkan kes tersebut perlu melalui prosiding di Mahkamah yang memakan masa yang panjang dan kos yang tinggi (Unit Sulh JKSNS 2019). Ada juga yang mengambil jalan ingkar perintah mahkamah, sehingga pihak yang satu lagi perlu memohon pelaksanaan penguatkuasaan perintah, juga menambah tempoh masa penyelesaian (BSK 2019). Keengganan dan kegagalan pihak-pihak mematuhi keputusan Majlis *Sulh* yang telah disahkan di mahkamah menyebabkan perdamaian yang telah dicapai musnah dan mengecewakan pihak yang terlibat. Senario ini menimbulkan persoalan tentang keberkesanan pelaksanaan Majlis *Sulh*.

Persoalan kajian

1. Apakah kebiasaan baharu pelaksanaan *sulh* dalam kes *hadhanah* dan nafkah anak?.

Objektif kajian

1. Mengkaji kebiasaan baharu pelaksanaan *sulh* dalam kes *hadhanah* dan nafkah anak.

Kepentingan kajian

Kajian akan menyumbang kepada usaha penambahan perkembangan perkhidmatan *sulh* di Mahkamah Syariah melalui pendekatan kebiasaan baharu dalam tempoh semasa dan pasca PKP. Hasil kajian akan diberi kepada pembuat dasar Mahkamah Syariah sebagai input bagi tujuan memastikan perkhidmatan *sulh*.

Kajian Lepas

Beberapa kajian lepas yang ditulis oleh Nora (2011) dan Nora dan Hanna (2013) ada mengetengahkan isu kehadiran pihak Defendan yang kurang memuaskan dan kurangnya kesedaran terhadap kebaikan penyelesaian melalui Majlis *Sulh*. Ketidakhadiran defendan mengakibatkan sesi *sulh* tidak dapat dilaksanakan kerana konsep *Sulh* itu sendiri memerlukan kehadiran kedua-dua pihak bagi membolehkan perbincangan dijalankan. Kajian selanjutnya yang dijalankan oleh Hanis (2015) mendakwa tidak banyak umat Islam di Malaysia yang mempunyai maklumat mengenai konsep *sulh*. Ramai yang masih cenderung menggunakan sistem litigasi barat atau penyelesaian sengketa secara berpanjangan setiap kali perselisihan berlaku. Seterusnya kajian oleh JKSM (2013) bertajuk *Kajian keberkesanan Majlis Sulh di Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia* mendapati bahawa ketidakhadiran pihak-pihak pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan menjadi faktor penyumbang kepada kegagalan Majlis *Sulh*. JKSM (2013); Nadia Murshida dan Alias (2018) turut mengesyorkan perlunya diwujudkan carta alir *sulh* yang lebih jelas bagi memudahkan pelaksanaan *sulh* dan diselaraskan di setiap negeri. Oleh itu, artikel ini akan mengupas lebih lanjut untuk melihat masalah dan halangan yang menyumbang kepada kegagalan Majlis *Sulh* antaranya melihat relevansi undang-undang sedia ada dan dihubungkan dengan kesesuaian norma baharu yang sesuai untuk diketengahkan. Seterusnya, meneroka norma baharu yang boleh membantu bagi mewujudkan panduan mahupun peraturan sebagai salah satu penambahbaikan dalam memperkasakan pelaksanaan *sulh* ini.

Kaedah Kajian

Rekabentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah kajian kes bagi mengkaji dan memahami dengan lebih mendalam pelaksanaan *sulh* dalam Kes *hadhanah* dan nafkah anak di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan. Persampelan kajian ini menggunakan persampelan bertujuan (Anwarul Yaqin, 2007). Kajian ini memilih Mahkamah Rendah Syariah bagi kes nafkah anak dan Mahkamah Tinggi Syariah bagi kes *hadhanah* di Negeri JKSNS sebagai tumpuan kajian melalui temubual kasual, pemerhatian awal dan analisa dokumen. Peserta kajian yang terlibat iaitu Penolong Pendaftar dan Pegawai *Sulh* sebagai sampel peserta kajian untuk ditemubual. Data juga akan dikumpul melalui pemerhatian yang akan dijalankan terhadap sesi Majlis *Sulh* bagi kedua-dua kes ini. Seterusnya

melakukan analisis dokumen terhadap fail kes kod 028 (*hadhanah*) dan 024 (nafkah anak) termasuk tuntutan ubah perintah, bermula 5 tahun kebelakang sehingga tempoh PKP sepanjang 2020.

Seterusnya melakukan semakan bagi mendapatkan gambaran penuh perjalanan tuntutan *hadhanah* dan nafkah anak di Mahkamah Syariah dari sudut prosedur dan amalan. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (EPAINS 2003), Enakmen Tatacara Mal (Negeri Sembilan) 2003 (ETMNS 2003), Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 (EUKINS 2003), Kaedah-Kaedah Tatacara *Sulh* (Negeri Sembilan) 2012 (KTSNS 2012) dan Manual Kerja *Sulh* Negeri Sembilan (MKSNS).

Kebiasaan Baharu Pelaksanaan *Sulh*

Baru-baru ini penularan pandemik covid-19 yang melanda negara kita menimbulkan keimbangan semua pihak termasuklah klien yang perlu hadir untuk berurusan dengan Unit *Sulh* Mahkamah Syariah. Terdapat beberapa pendekatan yang telah diambil oleh Mahkamah Syariah dalam usaha untuk mengekang penularan pandemik covid-19 dalam masa yang sama melicinkan pelaksanaan *sulh* itu sendiri. Sehubungan itu, bahagian ini membincangkan pendekatan kebiasaan baharu yang di ambil dalam pelaksanaan *sulh* di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan. Antara bentuk kebiasaan baharu adalah seperti yang berikut :

i Mewujudkan talian *hotline* dan soalan lazim

Berdasarkan maklumat yang diperolehi dari laman web JKSNS, sebanyak 5 talian *hotline* sementara telah diwujudkan dan beroperasi 5 hari seminggu iaitu hari Isnin hingga Jumaat, bermula pukul 8 pagi hingga 5 petang. Fungsi talian *hotline* ini adalah untuk menjawab sebarang persoalan lanjut mengenai kes-kes yang tertangguh susulan lanjutan tempoh pelaksanaan PKP sahaja. Kesemua talian *hotline* ini dikendalikan oleh Pegawai *Sulh* dan Pegawai Penyelidik memandangkan persoalan yang diajukan sangat banyak berkait dengan hal ehwal perceraian termasuklah permasalahan lawatan dan penggiliran anak serta nafkah anak. Selain itu, bagi memudahkan petugas yang menjawab talian *hotline* memberi jawapan tepat dan selaras serta membolehkan klien menyemak sendiri persoalan yang dihadapinya, beberapa soalan lazim telah disediakan yang mana ianya diselaraskan oleh JKSM dan Mahkamah Syariah di negeri-negeri.

ii Program khidmat nasihat

JKSNS turut terlibat dengan menjalin kerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan JKSM dalam salah satu program yang dinamakan *MyCareCov19*. Setiap hari ada penggiliran pegawai yang bertugas untuk menjawab panggilan ditalian yang telah ditetapkan. Program ini bagi menyantuni orang awam yang tertekan dalam tempoh PKP. Pelbagai ujian yang timbul dan ini adalah saat yang sukar buat segelintir masyarakat kita. Justeru, program ini cuba memeluk emosi dan menenangkan jiwa mereka sepayá pasukan *MyCareCov19*. Orang awam diminta untuk menghubungi nombor tertera untuk berkongsi rasa dan mendapatkan bimbingan pengurusan emosi serta nasihat perundangan.

iii Sistem semakan tangguhan kes dan tarikh baharu

Kebiasaan baharu selanjutnya iaitu membangunkan sistem semakan dalaman. Berdasarkan temubual bersama puan Noor Hafizah binti Omar, Ketua Unit ICT JKSNS, sistem ini dibangunkan oleh Unit ICT JKSNS iaitu Puan Norazlin binti Azahar. Data yang ada terhad kepada kes-kes di dalam tempoh PKP sahaja. Data dipaparkan berdasarkan data yang diberikan oleh Pembantu Pendaftar / Pegawai *Sulh* di dalam dokumen berformat *MS Excel*. Status pembangunan sistem ini sehingga 13 Mei 2020 telah mencapai 90%. Dengan adanya sistem ini, petugas dapat menyemak dengan pantas status kes *sulh* bagi *hadhanah* dan nafkah anak terutama apabila menerima pertanyaan melalui panggilan telefon.

Inovasi kedua adalah mewujudkan sistem semakan atas talian menggunakan platform *glide Apps* yang diberikan percuma oleh *Google*. Ianya juga dibangunkan oleh Unit ICT JKSNS. Data terhad kepada kes-kes *sulh* di dalam tempoh PKP sahaja. Data dipaparkan berdasarkan data yang diberikan oleh Pembantu Pendaftar / Pegawai *Sulh* di dalam dokumen berformat *MS Excel*.

Norma baharu ini sedikit sebanyak dapat menyelesaikan kebuntuan dan pertanyaan dari klien mengenai status kes mereka yang telah ditetapkan dalam tempoh PKP dan tarikh baharu bagi pendengaran di Majlis *Sulh*. Satu garis panduan berhubung semakan kes dan tatacara pengendalian sistem semakan tarikh baharu bagi kes *sulh* yang tertangguh semasa PKP telah dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar JKSNS. Melalui kebiasaan baharu ini klien hanya perlu memasukkan nombor kad pengenalan atau nama atau nombor kes bagi menyemak status tarikh kes *sulh* terkini. Maklumat ini boleh diperolehi dengan melayari pautan <http://bit.ly/SYARIAHN9PKP> atau laman web <http://jksns.ns.gov.my>.

iv Majlis *Sulh* dalam talian

Perkhidmatan *sulh* di Mahkamah Syariah kini boleh dijalankan secara dalam talian tanpa memerlukan kehadiran pihak yang terbabit. Sesi Majlis *Sulh* secara dalam talian adalah alternatif kepada *sulh* yang dijalankan di semua Mahkamah Syariah Negeri Sembilan merangkumi Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah yang terletak di daerah-daerah.

Sulh secara dalam talian ini satu inisiatif JKSNS dalam memastikan akses kepada keadilan dapat diberikan kepada semua peringkat masyarakat seiring dengan kebiasaan baharu yang diamalkan pada masa kini. Tiada perubahan bagi prosedur *sulh* secara dalam talian berbanding proses *sulh* yang dijalankan di Kamar *Sulh* Mahkamah Syariah melainkan perbezaan mod perhubungan. Sesi *sulh* secara dalam talian boleh dijalankan dengan menggunakan medium komunikasi melalui aplikasi yang dipersetujui oleh Pegawai *Sulh* dan pihak-pihak seperti *Skype*, *Webex* atau *Zoom*.

Pengujian dilakukan bersama pihak-pihak bagi persediaan pengendalian kes *sulh online* sebenar. Bagi memudahkan orang ramai memahami tatacara pengendalian *sulh* terbabit, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan telah mengeluarkan Arahan Pentadbiran berkaitan Prosedur Pengendalian Kes Secara Dalam Talian dalam tempoh PKP dan pasca PKP.

v Prosiding malam

Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Dato' Dr Mohd Na'im Mokhtar ketika sesi siaran langsung *Facebook* (FB) pada 6 Jun 2020, sewaktu berasal jawab secara dalam talian bersama Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) Musa Awang, pihaknya menggalakkan prosiding hingga malam kerana mengambil kira tiga bulan mahkamah tidak mengendali kes. Selanjutnya, saranan ini disambut baik oleh JKSNS yang turut menawarkan apa-apa pengurusan kes termasuk pengendalian Majlis *Sulh* boleh dibuat pada sebelah malam.

vi Penjarakan fizikal

Melalui pemerhatian yang dijalankan terhadap ruang menunggu dan kamar *sulh* JKSNS, pada 10 Ogos 2020 didapati pertemuan *sulh* turut melaksanakan penjarakan fizikal dengan mengubah susun atur kamar *sulh* bagi menepati jarak yang disyorkan. Istilah penjarakan sosial yang diguna pakai dalam prosedur operasi standard (SOP) bagi mencegah penularan wabak covid-19 kini ditukar kepada penjarakan fizikal sebagai kebiasaan baharu yang perlu dipatuhi oleh semua pihak (Berita Harian, 2020).

vii Had jumlah kehadiran

Melalui Arahan Pentadbiran Ketua Hakim Syarie JKSNS, mereka yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala adalah dilarang sama sekali memasuki premis Mahkamah.

viii Sanitasi

Bersempena dengan penguatkuasaan PKP akibat daripada penularan wabak virus covid-19, kerja-kerja nyahkuman (sanitasi) telah dilakukan oleh Jabatan Bomba Negeri Sembilan terhadap semua lokasi Mahkamah Syariah. Tumpuan adalah kawasan yang melibatkan kehadiran klien seperti kaunter pendaftaran, ruang menunggu dan kamar *sulh*. Proses ini dilakukan bertujuan memastikan keselamatan kesihatan kakitangan dan orang awam yang hadir ke Mahkamah terjaga. Selain itu ia juga antara usaha JKSNS membantu kerajaan dalam untuk memutuskan rantaian wabak covid-19 ini.

ix Rumusan

Jelaslah bahawa, kesungguhan dan pelbagai pendekatan kebiasaan baharu yang diambil oleh JKSNS ini mencerminkan bahawa Mahkamah Syariah pada bila-bila masa sudah bersedia untuk beroperasi mengikut kebiasaan baharu berdasarkan SOP dikeluarkan JKSM dan JKSNS selaras garis panduan KKM dan MKN. Ini termasuklah pematuhan terhadap arahan berkaitan pemakaian penutup hidung dan mulut, pemeriksaan suhu, penggunaan cecair sanitasi pada tangan serta mengimbas maklumat melalui MySejahtera bagi semua kakitangan dan klien yang hadir ke sesi *sulh* di Mahkamah Syariah. Dalam kajian ini, permasalahan yang timbul disebabkan adaptasi kebiasaan baharu dalam pelaksanaan *sulh* diuraikan melalui topik isu dan cabaran.

Isu dan cabaran

Umum mengetahui bahawa *sulh* merupakan salah satu perkhidmatan di Mahkamah Syariah berbentuk PPA yang bertujuan untuk mengurangkan kes-kes tertunggak dan berpegang pada prinsip penyelesaian kes secara sukarela, harmoni, dapat menjimatkan masa dan kos pihak-pihak. Namun sepanjang tempoh 19 tahun pelaksanaannya, ianya tidak sunyi dari menghadapi pelbagai isu dan cabaran. Selaras dengan itu, bahagian ini membincangkan aspek-aspek yang menjadi isu dan cabaran terhadap pelaksanaan *sulh* dalam kes *hadhanah* dan nafkah anak terutama dalam mengadaptasi kebiasaan baharu. Antara bentuk isu dan cabaran adalah seperti yang berikut :

i Kajian kes

Kajian kes ini akan menumpukan terhadap kes *hadhanah* dan nafkah anak. Kedua-dua kes ini merupakan antara kes yang mencatatkan statistik tertinggi didaftarkan di Unit *Sulh*. Malah, Kedua-dua kes ini juga merupakan antara tuntutan yang timbul selepas perceraian (Unit *Sulh* JKSNS 2019). Tuntutan bagi kedua-dua kes ini berlaku apabila pasangan yang berpisah mempunyai anak dan ianya perlu diuruskan. Selaras dengan itu, sub topik ini membincangkan secara terperinci isu dan cabaran yang dihadapi sewaktu mengendalikan *sulh* berdasarkan fail kes *hadhanah* dan nafkah anak.

a) Kes *Hadhanah*

Selepas penamatan hubungan perkahwinan, hak penjagaan anak-anak (selepas ini disebut *hadhanah*) sering menjadi masalah perselisihan antara ibu dan bapa. Kedua-dua pihak sering ingin mendapat hak *hadhanah* setelah bercerai. Penentuan terhadap hak *hadhanah* ini ada dinyatakan di dalam Undang-Undang Keluarga Islam. Contohnya di dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 menganggap ibu sebagai orang pertama yang dipertimbangkan untuk tujuan jagaan terutama ketika anak itu masih kecil.

Begitu juga, undang-undang Islam sama-sama memberi keutamaan kepada ibu terhadap hak asuhan anak-anaknya. Oleh itu, Arahan Amalan nombor 1 tahun 2010 memperlukan pertikaian ini perlu diselesaikan oleh kedua-dua pihak yang mana apabila kes didaftarkan ianya akan dirujuk ke Majlis *Sulh*. Berdasarkan analisa dokumen fail *sulh*, terdapat beberapa terma lazim yang dibincangkan dalam kes *hadhanah* bagi mendapatkan deraf perjanjian persetujuan antara pihak-pihak. Antara terma tersebut adalah seperti berikut :

- i Butiran anak;
- ii Penentuan hak jagaan anak diberi kepada salah satu pihak; dan
- iii Hak lawatan kepada pihak satu lagi.

Berdasarkan temubual kasual bersama Puan Nurul Akmar binti Mohd Hilmi, Pegawai Sulh JKSNS, beliau menyatakan terma yang seringkali menjadi pertembungan pertikaian antara pihak-pihak adalah terma nombor ii dan iii. Di sinilah bermulanya cabaran Pegawai *Sulh* untuk menjalankan perundingan agar persetujuan berkaitan *hadhanah* ini diperolehi sebaik-baiknya dari kedua-dua pihak.

Menurutnya lagi, bagi kes ubah perintah hak jagaan anak (*hadhanah*) pula terma yang biasa dibincangkan adalah seperti berikut:

- i Nombor kes perintah terdahulu dan tarikh perintah; dan
- ii Ubah terma perintah (keseluruhan / sebahagian).

Dalam pengendalian kes *hadhanah* ini, isu yang dikenalpasti kerap kali timbul adalah dari segi kegagalan pihak Defendan untuk hadir ke Majlis *Sulh* (Unit Sulh JKSNS 2019).

Berdasarkan semakan terhadap fail kes *sulh* bernombor 35100-01-028-0079-2020 dan 35100-01-028-0081-2020 di Mahkamah Syariah daerah Seremban, menemukakan suatu yang agak menarik dalam kajian ini iaitu menunjukkan dalam kes tuntutan *hadhanah*, jumlah penetapan tarikh untuk klien hadir ke Majlis *Sulh* biasanya hanya melibatkan 1 hingga 2 kali tangguhan sahaja dan dapat diselesaikan dalam tempoh kurang dua bulan. Namun terdapat juga tiga kali penangguhan sebagai contoh kes *hadhanah* bernombor 35200-01-028-0018-2020. Hal ini disebabkan adanya PKP yang menghalang kes *sulh* dijalankan dalam tempoh tersebut dan kes perlu ditangguhan ke tarikh seterusnya.

Kontrakdisinya dalam prosiding Mahkamah kekerapan tangguhan bagi jenis kes yang sama adalah sangat banyak dan mengambil tempoh masa yang amat lama untuk diselesaikan. Sebagai contoh kes *hadhanah* bernombor 05200-028-0210-2015 difailkan oleh bapa selaku Plaintiff dan ibu sebagai Defendan. Kes ini melibatkan tuntutan *hadhanah* terhadap 2 orang anak perempuan yang berumur 5 tahun dan 3 tahun. Kes telah didaftarkan pada 19hb September 2015 dan selesai pada 16hb Disember 2019, mengambil tempoh 4 tahun 6 bulan dengan kekerapan penetapan tarikh untuk pendengaran kes adalah sebanyak 24 kali. Kes ini pada awalnya telah dirujuk ke Majlis *Sulh* berdasarkan Arahan Amalan nombor 1 tahun 2010. Namun disebabkan pihak Defendan gagal hadir ke sesi tersebut yang telah ditetapkan pada 7hb Julai 2015, maka kes ini telah dipanjangkan ke Mahkamah untuk menjalani proses perbicaraan di hadapan Yang Arif (YA) Hakim Mahkamah Tinggi. Huraian secara terperinci punca kes ini membabitkan dua puluh empat (24) kali penangguhan adalah seperti yang berikut:

- i 1 kali disebabkan oleh permohonan dari Peguam Plaintiff iaitu Tetuan Hanif Hassan & Co kerana terpaksa menghadiri kes jenayah di Mahkamah Tinggi Seremban.
- ii 1 kali disebabkan oleh permohonan dari Peguam Defendan yang baru dilantik dari Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan memerlukan masa untuk mengkaji kes.
- iii 2 kali kerana Hakim menghadiri kursus.
- iv 5 kali tangguhan berturut-turut dari bulan Ogos 2017 hingga Mac 2019 (15/8/2017, 13/2/2018, 30/4/2018, 17/7/2018 dan 14/3/2019). Antara sebab

penangguhan iaitu hakim asal telah bertukar ke Jabatan lain disebabkan kenaikan pangkat dan tempatnya diganti oleh hakim baharu. Dalam tempoh peralihan hakim ini, kes tidak dapat berjalan selama 1 tahun 7 bulan. Hal ini bersangkut paut dengan proses tauliah diperlukan terlebih dahulu sebelum membolehkan hakim baharu mendengar kes sebagaimana yang diperuntukan dalam seksyen 58 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 yang memperuntukan pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi di Negeri Sembilan adalah atas nasihat Majlis dan Ketua Hakim Syarie dan hendaklah mendapat perkenan dari Yang Di Pertuan Besar. Secara amalannya di Negeri Sembilan perkenan Yang Teramat Mulia Dato' Undang Yang Empat dan Tunku Besar Tampin juga perlu diperolehi.

- v Selebihnya kehadiran untuk proses perbicaraan dan keputusan iaitu sebanyak 15 kali.

Keputusan kes ini adalah berakhir dengan perintah persetujuan bersama. Hal ini disebabkan dalam pada kes ini berjalan, menurut seksyen 84 (lamanya penjagaan) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, umur anak-anak tersebut telah mencecah umur *mumayyiz* yang membolehkan anak dipanggil ke Mahkamah untuk membuat pilihan. Akhirnya, kes ini berkesudahan dengan anak memilih untuk berada di bawah jagaan ibu (Defendant) manakala bapa (Plaintif) diberi hak untuk melawat dan bermalam.

Dalam satu kes *hadhanah* yang lain, di bawah seksyen 87, EUUKINS 2003 bernombor 05200-028-0902-2018 yang difailkan oleh ibu selaku Plaintiff dan bapa selaku Defendant terhadap 3 orang anak mereka iaitu 2 orang perempuan dan seorang lelaki yang berusia antara 4 bulan hingga 5 tahun. Kes ini berlarutan mencecah 11 kali penangguhan dalam tempoh 1 tahun 2 bulan di sebabkan kes *sulh* ini dipanjangkan ke Mahkamah, juga disebabkan ketidakhadiran Defendant sewaktu kes diperingkat Majlis *Sulh*. Daripada 11 kali penangguhan di Mahkamah, 8 kali (15/1/2019, 13/2/2019, 20/3/2019, 22/4/2019, 25/6/2019, 8/8/2019, 9/10/2019 dan 20/11/2019) penangguhan adalah melibatkan isu penyampaian saman luar bidang kuasa kerana Defendant berada di Kedah yang mana 7 kali (15/1/2019, 13/2/2019, 20/3/2019, 25/6/2019, 8/8/2019, 9/10/2019 dan 20/11/2019) penetapan tarikh telah dihadiri oleh Plaintiff tanpa kehadiran Defendant. Proses penyampaian saman ini meliputi usaha penyampaian kediri dan laporan tidak sempurna kemudian disusuli dengan arahan saman tampal. Selebihnya 3 kali penangguhan adalah melibatkan proses perbicaraan dan keputusan. Kes ini berakhir dengan hak jagaan diperolehi oleh ibu (Plaintif), manakala bapa (Defendant) diberikan hak lawatan tanpa bermalam atas faktor yang telah dipertimbangkan oleh hakim bicara.

Demikianlah, adalah jelas dapat diperhatikan perbandingan kes yang diselesaikan di peringkat *sulh* adalah lebih pendek dan menjimatkan kos berbanding kes yang diselesaikan melalui pendengaran di Mahkamah. Bahkan, pendengaran kes di Mahkamah itu sendiri sifatnya tertakluk dengan pelbagai prosedur dan tatacara tertentu merangkumi sebutan kes, perbicaraan, keterangan, penghakiman dan perintah mengakibatkan sesuatu kes terpaksa berpanjangan. Kes ini sepatutnya boleh diselesaikan lebih awal melalui saluran di Majlis *Sulh*, namun disebabkan Defendant gagal menghadirkan diri tanpa alasan, menyebabkan kes dipanjangkan ke Mahkamah yang mengambil masa bertahun-tahun untuk diselesaikan. Bahkan, anak-anak turut terheret dengan pertelingkahan berpanjangan antara ibu dan bapa mereka.

Pengkaji berpendapat kegagalan pihak-pihak hadir ke sesi *sulh* memberi kesan besar terhadap tempoh penyelesaian kes dan menjelaskan kejayaan diperingkat Sulh itu sendiri serta berlaku lambakan kes di Mahkamah. Berdasarkan banding beza dari sudut tempoh masa dan kos bagi kes yang diselesaikan di Majlis *Sulh* dengan kes yang diselesaikan melalui pendengaran di Mahkamah, pengkaji melihat sudah sampai masanya isu kegagalan

hadir ke Majlis *Sulh* tanpa sebarang alasan tidak boleh dipandang sepi. Dalam hal ini peruntukan undang-undang seperti Kaedah-Kaedah Tatacara *Sulh* Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, Manual Kerja *Sulh* JKSNS dan Arahan Amalan no 7 tahun 2015 berkaitan carta alir proses kerja *Sulh* sedia ada perlu dilihat semula khususnya dari aspek memastikan kehadiran pihak-pihak ke Majlis *Sulh* bagi menjamin keberkesanannya pelaksanaan *sulh*.

Selain itu, promosi terhadap perkhidmatan *sulh* ini juga perlu ditingkatkan agar orang awam memperolehi maklumat yang jelas berkenaan bentuk penyelesaian pertikaian yang ada di Mahkamah Syariah sama ada secara *sulh* ataupun pendengaran kes dalam dewan bicara seterusnya dapat panduan untuk memilih bentuk penyelesaian kes dengan cara yang bijak. Sangat penting untuk difahami oleh orang awam, terma yang dibincang dan dihasilkan melalui *sulh* yang dinamakan sebagai perjanjian persetujuan adalah setara dan sama dengan terma yang dihasilkan melalui pendengaran kes memandangkan hak *hadhanah* telah termaktub dalam hukum syarak dan seksyen 82, EUUKINS 2003 yang memperuntukan orang yang berhak menjaga kanak-kanak (Nora et al., 2019; Nurul Izzah Izzati et al., 2019). Selagi anak masih di bawah umur, prinsip asas yang terpakai ibu adalah lebih berhak, melainkan dibuktikan sebaliknya (Zanariah, 2012). Selepas itu, apabila anak *mumayyiz*, ketika ini anak mempunyai hak untuk membuat pilihan. Bahkan kelebihan yang diperolehi seandainya pihak-pihak memilih untuk menyelesaikan pertikaian secara *sulh* iaitu berpeluang untuk tentukan sendiri hak asas *hadhanah* sebagai contoh penentuan kekerapan giliran bermalam, waktu perayaan, cuti sekolah, tempat ambil dan serah anak dan sebagainya. Dalam hal ini, pihak-pihak akan merasa lebih kepuasan kerana dapat menentukan sendiri urusan berkaitan penjagaan seterusnya Pegawai *Sulh* murnikan kehendak mereka ini agar selari dan tidak bertentangan dengan peruntukan undang-undang dan ketetapan hukum syarak.

	MAJLIS SULH	PENDENGARAN KES
TERMA	Butiran anak	Butiran anak
	Penentuan hak jagaan anak diberi kepada salah satu pihak	Penentuan hak jagaan anak diberi kepada salah satu pihak
	Hak lawatan kepada pihak satu lagi	Hak lawatan kepada pihak satu lagi
PENYELESAIAN	Perjanjian persetujuan dan endors sebagai perintah mahkamah	Perintah mahkamah
TEMPOH MASA	Pendek	Panjang
KOS	Amat rendah	Tinggi
EMOSI	Lebih berpuashati kerana penyelesaian dibuat mengikut kehendak pihak-pihak sendiri dan persetujuan bersama	Pertelingkahan dan ketidakpuasan hati masih berlarutan antara pihak-pihak kerana penyelesaian ditentukan sepenuhnya oleh hakim.

Jadual 1 : Banding beza antara penyelesaian kes *hadhanah* secara Majlis *Sulh* dengan Pendengaran Kes.

Perihal isu kehadiran ke Majlis *Sulh* ini sebenarnya telah timbul sebelum PKP dilaksanakan lagi. Keadaan semakin rumit apabila PKP bermula dengan adanya kawalan pergerakan yang ketat seperti halangan merentas negeri dan sebagainya. Isu selanjutnya adalah berkaitan persoalan bertali arus yang diajukan oleh klien terhadap Pegawai *Sulh* dalam tempoh PKP berkenaan kegagalan salah satu pihak untuk mematuhi perintah

hadhanah terutamanya aspek penggiliran untuk bersama-sama anak. Dato' Hanif bin Hassan, Presiden Persatuan Peguam Syarie Negeri Sembilan dalam sesi forum sewaktu Majlis Pentaulahan Peguam Syarie JKSNS di Palm Mall Seremban pada 24 Julai 2020 berkongsi cabaran yang dihadapi oleh Peguam Syarie kerana turut dihujani pertanyaan dari klien berkaitan hak giliran ini. Pendekatan yang dapat diambil dengan kekangan-kekangan yang ada adalah melalui sesi penerangan secara virtual apa peranan dan tindakan yang sejajarnya diambil oleh klien dalam menghadapi situasi hak giliran dalam tempoh PKP. Ianya lebih kepada saranan untuk mengamalkan sikap toleransi dan bersabar. Pendekatan ini dilihat sebagai kebiasaan baharu dan amat berbeza berbanding waktu sebelum adanya PKP, yang mana lazimnya pihak Pegawai *Sulh* mahupun Peguam Syarie lebih menjurus ke arah memberi saranan agar klien mengambil tindakan tegas melalui penguatkuasaan undang-undang.

b) Kes nafkah anak

Di Malaysia, perkara-perkara yang berkaitan dengan nafkah anak pada dasarnya dikawal oleh undang-undang keluarga Islam melalui Enakmen Negeri di setiap negeri yang ditadbir di Mahkamah Syariah. Contohnya seksyen 73, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 memperuntukan kewajipan seseorang lelaki untuk menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pendidikan sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya. Berdasarkan perbualan kasual bersama Puan Nurul Akmar binti Mohd Hilmi, Pegawai Sulh JKSNS dan analisa terhadap fail kes nafkah anak, terdapat beberapa terma dalam membincangkan hal ehwal nafkah anak bagi mendapatkan deraf perjanjian persetujuan antara pihak-pihak. Antara terma tersebut adalah seperti berikut :

- i Butiran anak;
- ii Jumlah yang dipersetujui setiap bulan (nafkah keperluan harian);
- iii Jenis nafkah (persekolahan, perayaan, perubatan dan sebagainya);
- iv Cara pembayaran (tunai / potongan gaji / arahan tetap bank).

Terma yang seringkali menjadi pertembungan pertikaian antara pihak-pihak adalah terma nombor ii, iii dan iv. Disinilah perlunya kemahiran Pegawai *Sulh* untuk menjalankan perundingan agar persetujuan berkaitan nafkah anak ini diperolehi sebaik-baiknya dari kedua-dua pihak.

Manakala bagi kes ubah perintah nafkah anak, terma yang biasa dibincangkan adalah seperti berikut:

- i Nombor kes perintah terdahulu dan tarikh perintah;
- ii Ubah terma perintah (keseluruhan / sebahagian); dan
- iii Cara pembayaran (tunai / potongan gaji / arahan tetap bank).

Berdasarkan analisa dokumen terhadap fail kes Majlis *Sulh*, tuntutan nafkah anak di bawah seksyen 74 EUUKINS 2003, no kes : 35005-01-024-0018-2020 dan 35008-01-024-0051-2020 , didapati penyelesaian tuntutan kes nafkah anak mahupun tuntutan mengubah perintah nafkah anak dapat diselesaikan dalam tempoh yang singkat. Kekerapan penangguhan biasanya 1 ke 2 kali tangguhan sahaja. Namun dalam no kes :35008-01-024-0025-2020 dan 35005-01-024-0004-2020 terdapat juga 3 kali tangguhan disebabkan tarikh asal jatuh dalam tempoh PKPP dan Majlis *Sulh* tidak beroperasi seterusnya diberi tarikh baharu.

Antara isu yang dikenalpasti acap kali timbul dalam pengendalian kes nafkah anak ini adalah dari segi ketidakpatuhan perintah persetujuan yang diaku janji oleh kedua-dua pihak, terutama dipihak Defendant (bapa). Walaupun dalam tempoh PKP atau tidak, perihal nafkah anak tidak harus untuk dikompromi, berbeza dengan giliran penjagaan anak yang dibincangkan sebelum ini. Dalam hal ini, klien iaitu bapa hendaklah peka dan sebolehnya patuh terhadap perintah yang ada melainkan adanya perintah yang membenarkan perubahan

terhadap amaun nafkah anak, cara bayaran dan sebagainya. Ini bagi mengelakkan bapa dikenakan tindakan disebabkan culas membayar nafkah anak.

Selain itu, isu pelaksanaan *sulh* dalam kes nafkah anak terutama selepas PKP adalah berlakunya peningkatan permohonan ubah perintah oleh pihak bapa. Di dalam kes bernombor 35009-01-022-2020, didaftarkan pada 9 Julai 2020 dan selesai pada 20 Julai 2020 dengan hanya sekali pertemuan sahaja. Dalam kes yang difailkan oleh bapa (Plaintif) dan ibu (defendant) ini, persetujuan pihak-pihak telah dicapai untuk mengubah perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rendah Syariah Seremban bertarikh 10 September 2015. Perintah asal berjumlah RM300.00 untuk setiap 2 orang anak berjumlah RM600.00 sebulan, namun disebabkan adanya tunggakan nafkah yang perlu dilunaskan dan dalam pengendalian kes penguatkuasaan di Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), maka pihak-pihak bersetuju jumlah nafkah anak dikurangkan menjadi RM150.00 sebulan bagi kedua-dua anak tersebut. Secara asasnya, mana-mana pihak khususnya bapa yang berhadapan masalah untuk melunaskan perintah nafkah anak, undang-undang memperuntukkan jalan keluar di bawah seksyen 67, Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 iaitu :

Mahkamah boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengubah, atau boleh pada bila-bila masa membatalkan, mana-mana perintah nafkah yang masih berkuat kuasa, sama ada bercagar atau tidak bercagar, atas permohonan orang yang berhak menerima atau yang kena membayar nafkah itu menurut perintah yang telah dibuat itu, jika Mahkamah berpuas hati bahawa perintah itu telah diasaskan atas sesuatu salah nyataan atau kesilapan fakta atau jika sesuatu perubahan material telah berlaku tentang hal keadaan.

Isu lain yang timbul adalah peruntukan sub seksyen 73 (1). Kewajipan menanggung nafkah anak, di bawah EUUKINS 2003 memperuntukan :

*“kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka menjadi kewajipan seseorang lelaki untuk menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pendidikan sebagaimana yang munasabah **memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya** atau dengan membayar kosnya”.*

Keadaan ini seringkali menimbulkan ketidakpuasan hati dipihak ibu, ini kerana acapkali diminta menerima situasi bahawa nafkah anak bergantung kepada kemampuan bapa. Sebaliknya jumlah yang diputuskan sama ada melalui persetujuan bersama ataupun diputuskan melalui Mahkamah adalah sangat rendah dari keperluan perbelanjaan sebenar anak, yang mana akhirnya nafkah ini terpaksa dipikul oleh si ibu. Penulis berpendapat, seperti kes tuntutan ubah perintah nafkah anak di atas, adalah tidak wajar nafkah anak seorang RM75 sebulan merangkumi kos tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pendidikan. Walaupun dipersetujui oleh pihak-pihak, Pegawai *Sulh* sewajarnya menasihat dan memberi panduan dengan melihat peruntukan undang-undang seperti sub seksyen 73(2) yang memberi ruang terhadap saudara terdekat untuk dipertanggungjawabkan bersama iaitu :


Kecuali seperti yang disebut terdahulu, menjadi kewajipan seseorang yang bertanggungan di bawah Hukum Syarak, untuk menanggung nafkah atau memberi sumbangan kepada nafkah kanak-kanak jika bapa kanak-kanak itu telah mati atau tempat di mana bapanya berada tidak diketahui atau jika dan setakat yang bapanya tidak berupaya menanggung nafkah mereka.

'Orang yang bertanggungan' yang dihasratkan dalam peruntukan tersebut ialah datuk mereka (bapa kepada bapa) dan kemudian orang-orang yang selepasnya. Arahan Amalan Mahkamah Syariah nombor 14 Tahun 2007 bertajuk 'Susunan Waris Yang

Bertanggungan Membayar Nafkah' menyatakan, erti 'orang yang bertanggungan' ialah 'ahli waris' sebagaimana yang diperuntukkan syarak dan juga yang dinyatakan dalam seksyen 61, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.

Ini bermakna, waris-waris daripada keluarga lelaki yang mempunyai hubungan darah dengan pihak yang mati dan tidak diselangi oleh perempuan iaitu bapa, bapa kepada bapa, anak lelaki atau anak lelaki kepada anak lelaki (cucu lelaki), saudara lelaki seibus sebaunya dan saudara lelaki sebaunya.

Statistik juga mendedahkan prestasi kehadiran klien ke Majlis *Sulh* bagi kes tuntutan mengubah perintah *hadhanah* dan nafkah anak adalah masih rendah iaitu dari 3,303 jumlah kes didaftarkan sebanyak 1162 (35%) mencatatkan klien tidak hadir.



Rajah 1 : Statistik tuntutan mengubah perintah *hadhanah* dan nafkah anak seluruh Malaysia (2015 – 2019)

Rumusannya, pengendalian *sulh* dalam kes *hadhanah* dan nafkah anak termasuk tuntutan untuk mengubah perintah yang timbul selepas itu masih berhadapan dengan beberapa isu seperti jumlah kehadiran yang kurang memberangsangkan dan kurangnya kefahaman berkenaan peluang menyelesaikan pertikaian secara jimat masa, kos dan harmoni.

ii Kecukupan sumber manusia

Berdasarkan laporan dari unit pentadbiran JKSNS bertarikh 15 Ogos 2020, buat masa ini masih terdapat beberapa kekosongan bagi jawatan Pegawai *Sulh* di Negeri Sembilan yang masih belum diisi. Sehingga Ogos 2020, hanya 3 orang yang bertugas, manakala 2 orang dalam tempoh cuti bersalin dan 2 lagi masih kosong disebabkan pertukaran dan cuti disebabkan menyambung pengajian. Keadaan ini menyukarkan untuk Pegawai *Sulh* sedia ada untuk menyusun jadual dan menyelesaikan kes *hadhanah* dan nafkah anak mengikut tempoh yang telah ditetapkan dalam Kaedah 7 Tatacara (*Sulh*) Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2016 iaitu kes *sulh* hendaklah diselesaikan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pendaftaran *sulh*. Berdasarkan statistik untuk kes nafkah anak dan *hadhanah* sahaja, setiap tahun sekitar 900 ke 1000 kes akan didaftarkan ke Majlis *Sulh*. Ini belum termasuk kes-kes lain yang turut perlu dikendalikan oleh Pegawai *Sulh* yang sama.

TAHUN	2014	2015	2016	2017	2018
JUMLAH	902	973	1024	1059	940

Jadual 2: Statistik *sulh* bagi kes *hadhanah* dan nafkah di JKSNS, 2014-2018.

Bagi mengurangkan lambakan kes, Unit *Sulh* turut mengambil inisitif dengan menawarkan sesi pada sebelah malam. Namun menurut Puan Siti Zaidah binti Husain, Pegawai *Sulh* JKSNS berdasarkan jumlah kes yang didaftarkan dengan jumlah Pegawai *Sulh* yang ada ianya masih tidak dapat memberikan impak yang banyak. Beban mengendalian Majlis *Sulh* dengan jumlah kes yang tinggi turut memberi kesan terhadap kadar tumpuan dan fokus Pegawai *Sulh*.

Puan Zarina binti Zuber, Penolong Pendaftar JKSNS dalam temubual kasual menambah kekurangan Pendaftar juga dilihat turut memberi kesan dalam menguruskan fail-fail kes yang didaftar ke Majlis *Sulh*. Pengemaskinian kes sedia ada yang pada asalnya telah ditetapkan dalam tempoh PKP, perlu dibuat tangguhan dan diberi tarikh baharu dalam kadar segera, dalam masa yang sama perlu mengemaskini jadual bagi kes-kes yang baharu didaftarkan. Ketidakcukupan sumber tenaga dan keletihan disebabkan bebanan tugas yang tinggi membuka ruang berlakunya kesilapan dalam mendaftar kod kes atau penyediaan catatan pada fail kes *Sulh*. Ini boleh menyebabkan kesulitan kepada Pegawai *Sulh* dan klien sewaktu kes *hadhanah* dan nafkah didengar dalam Majlis *Sulh*, mahupun sewaktu persetujuan di endors di hadapan Hakim.

Dalam tempoh PKP Bersyarat bermula 4 Mei hingga 12 Mei 2020, operasi *sulh* hampir berjalan sepenuhnya berbanding kehadiran kakitangan sokongan ke pejabat masih terhad. Mengambil kira kesukaran yang dihadapi untuk penjagaan anak disebabkan sekolah, taska dan pusat jagaan masih ditutup, penggiliran waktu kerja digunakan berdasarkan pekeliling yang dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerjaan Negeri Sembilan dan keutamaan diberikan kepada kakitangan yang mempunyai anak kecil di bawah umur 12 tahun. Keadaan ini sedikit sebanyak menjelaskan kelancaran pelaksanaan *sulh* pada ketika itu.

Menurut pandangan penulis, jumlah sumber manusia ini perlu diambil perhatian sewajarnya bagi memastikan pelaksanaan *sulh* dapat berjalan dengan baik dan lancar.

iii Kesiapsiagaan Mahkamah

Sepanjang tempoh dan pasca PKP, budaya kerja telah berubah dan Mahkamah perlu bersedia keluar dari amalan rutin biasa serta menyediakan fasiliti dan peralatan yang sesuai sebagai langkah untuk memastikan operasi di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan berjalan lancar.

Pelaksanaan PKP memerlukan bukan sahaja kesederhanaan dalam apa jua tindakan tetapi juga fleksibiliti dalam semua tindakan. Tindakan yang fleksibel akan memastikan fungsi dan peranan yang dimainkan oleh Ketua Hakim Syarie selaku Ketua Jabatan akan sentiasa mengikuti keperluan semasa. Fleksibiliti adalah tindakan termasuk kesediaan dan keupayaan untuk bertindak balas secara pantas terhadap keadaan dan jangkaan yang berubah-ubah terutama pada saat dunia sedang menghadapi kesukaran ini (Doyle, 2020).

Berdasarkan Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 di bawah Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342), Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan perlu mengambil langkah-langkah seperti berikut : mengurangkan bilangan kakitangan yang hadir ke Mahkamah kepada tahap paling minima atau sekurang-kurangnya sebanyak 50% daripada jumlah semasa, memastikan pergerakan terhad warga kerja Mahkamah dan klien, menyediakan alat saringan suhu badan, dan mengambil bacaan suhu badan kakitangan dan klien pada setiap hari, kakitangan hendaklah mematuhi prosedur

pencegahan Covid-19 yang telah ditetapkan oleh KKM yang dikeluarkan dari masa ke semasa, hendaklah menyediakan cecair sanitasi pada tangan, melaksanakan proses sanitasi dan pembersihan terutama kawasan tumpuan awam, dan hendaklah memastikan garis panduan amalan terbaik penjarakan fizikal disediakan dan dilaksanakan.

Dalam hal ini, Puan Zarina binti Zuber, Penolong Pendaftar JKSNS melalui temubual kasual menyatakan cabaran yang dihadapi oleh Mahkamah Syariah dalam mengadaptasi kebiasaan baharu antaranya adalah:

- i Kondisi kaunter pendaftaran dan pertanyaan yang terbuka dan tiada cermin;
- ii Alat pengimbas suhu yang kerap tidak berfungsi dan mengambil masa, berbanding jumlah kehadiran klien yang ramai lazimnya serentak di awal pagi;
- iii Perbincangan dalam sesi *sulh* menjadi kurang jelas apabila pihak-pihak memakai penutup hidung dan mulut. Ruang bilik *sulh* yang bersaiz besar amat terhad menyukarkan untuk penjarakan fizikal;
- iv ketidak cukupan dari segi peralatan dan talian internet untuk mengoptimumkan Majlis *Sulh* secara atas talian. Keperluan ini disebabkan peningkatan penggunaan pelbagai aplikasi teknologi maklumat seperti *Whatsapp*, *Telegram*, *Skype*, *Google meet*, *video conferencing* dan banyak lagi.
- v pematuhan klien terhadap arahan berkaitan pemakaian penutup hidung dan mulut, pemeriksaan suhu, penggunaan cecair sanitasi pada tangan serta mengimbas maklumat melalui MySejahtera. Ini kerana klien yang hadir ke Mahkamah adalah terdiri dari pelbagai lapisan umur, latar belakang pendidikan dan juga dari bandar maupun luar bandar. Pelbagai pendekatan perlu diambil bagi meningkatkan kesedaran agar klien yang hadir mematuhi semua peraturan berkaitan kawalan penyakit berjangkit ini.

Pendek kata, Mahkamah Syariah Negeri Sembilan turut berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran meliputi aspek pengendalian kes, kecukupan sumber manusia dan kesiapsiagaan Mahkamah sewaktu mengadaptasi kebiasaan baharu. Penjelasan terhadap pendekatan yang diambil bagi mengatasinya adalah sepertimana beberapa cadangan yang akan dibincangkan dalam bahagian selepas ini.

Cadangan

Menyedari hakikat seperti yang disebut dalam legal maxim berbunyi : *justice delayed is justice denied* dan demi memastikan operasi Mahkamah Syariah berjalan seperti biasa, beberapa siri seminar perundungan secara virtual bersama beberapa buah negara termasuklah Singapura, Indonesia, Brunei dan Australia telah dianjurkan oleh JKSM (Mohd Na'im, 2020). Usaha ini sebagai perkongsian pengalaman kalangan negara ini untuk melihat amalan terbaik dalam memastikan Mahkamah Syariah tetap beroperasi walaupun masih berada dalam tempoh PKP dan wabak covid-19 masih berlaku.

Dalam hal ini, Unit *Sulh* di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan juga giat menjalankan pelbagai usaha bagi mengadaptasi kebiasaan baharu dalam pelaksanaan *sulh*. Namun usaha-usaha kebiasaan baharu ini menghadapi beberapa isu dan cabaran. Selaras dengan itu, bahagian ini membincangkan langkah-langkah yang wajar diambil bagi menangani permasalahan dalam melaksanakan kebiasaan baharu di Unit *Sulh*. Antara langkah yang dicadangkan adalah seperti yang berikut :

1. Meningkatkan kesedaran.

Dicadangkan agar meningkatkan kesedaran dan keyakinan dalam kalangan Pegawai *Sulh* dan klien kelebihan menjalankan kes *sulh* secara atas talian. Cadangan ini selaras dengan ucapan YAB Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin sewaktu merasmikan Persidangan Kehakiman dan Perundungan Syariah Nusantara 2020 pada 29 September 2020 di Hotel Movenpick, Selangor yang menyarankan penggunaan teknologi baharu hendaklah diberi

prioriti. Tanpa teknologi, pentadbiran perundangan syariah akan terganggu dan tidak dapat berfungsi dengan baik.

Sehingga kini, pelaksanaan atas talian didapati amat rancak bagi pengurusan kes terutama melibatkan pengesahan lafaz cerai di luar Mahkamah. Namun, bagi proses *sulh* dilihat masih cenderung secara konvensional iaitu kehadiran secara fizikal bagi membincangkan pertikaian sama ada melibatkan penjagaan dan penggiliran anak mahupun nafkah anak. Ini mengakibatkan status ketidakhadiran ke Majlis *Sulh* agak tinggi dan merumitkan penyelesaian secara *sulh* dijalankan.


Dalam konteks ini, penggunaan teknologi baharu mestilah diberi keutamaan oleh pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Sembilan. Berdasarkan pengalaman Indonesia, Brunei, Singapura dan Australia menunjukkan bahawa penggunaan teknologi merupakan satu kewajipan (Mohd Na'im, 2020). Tanpa teknologi, pentadbiran kehakiman syariah boleh terencat dan seterusnya menghalang pelaksanaan keadilan yang merupakan satu tuntutan agama. Ini merupakan sebahagian dari kebiasaan baharu dalam pentadbiran kehakiman syariah yang mesti diberi tumpuan.

Selain itu, pelaporan secara berkala di dalam mesyuarat yang bersesuaian juga wajar dilakukan bagi memantau jumlah kes *sulh* yang didengar secara atas talian berbanding secara konvesional dari semasa ke semasa.

2. Panduan tatacara *Sulh* atas talian

Mewujudkan norma baharu melalui Arahan Amalan JKSM atau Arahan Ketua Hakim Syarie yang lebih jelas bagi rujukan Pegawai *Sulh* untuk menjalankan Majlis *Sulh* atas talian. Satu garis panduan merangkumi tatacara pengendalian *sulh* perlu diwujudkan yang terbahagi kepada pra, semasa dan pasca *sulh*. Percontohan yang terhampir boleh dilihat melalui pautan www.kehakiman.gov.my berkenaan prosedur yang telah diwujudkan dalam mengendalikan mediasi secara atas talian di Mahkamah Sivil.

Garis panduan ini sama ada dihasilkan sepenuhnya yang baharu atau boleh dibuat secara tambah baik terhadap proses kerja dan carta alir *sulh* sedia ada seperti dinyatakan dalam Arahan Amalan nombor 7 tahun 2015 dengan memasukkan ciri pengendalian *sulh* atas talian. Dengan adanya panduan yang jelas, ia dapat memudahkan semua pihak. Pegawai *Sulh* dan pasukan ICT JKSNS tidak lagi rasa terbeban disebabkan perlu memperuntukkan masa dan tenaga untuk membuat persediaan setiap kali sesi *online* hendak dijalankan. Sebaliknya dengan adanya panduan ini, proses atas talian boleh dilaksanakan sendiri oleh Pegawai *Sulh* dan pasukannya tanpa memerlukan kehadiran pasukan ICT lagi.



Rajah 2 : Carta Alir Suh. Sumber - ilustrasi pengkaji dengan rujukan terhadap Arahan Amalan Mahkamah Syariah No 7 Tahun 2015, risalah *Sulh Kit* JKSNS serta pemerhatian proses Majlis *Sulh* di Mahkamah Syariah Daerah Seremban.

Secara umumnya carta di atas menunjukkan bahawa proses penyelesaian kes *sulh* menggunakan mod biasa, jika sekiranya digantikan dengan mod baharu iaitu secara atas talian akan lebih memudahkan klien. Kotak berwarna biru yang pada asalnya memerlukan kehadiran klien secara berulang kali, akan digantikan mod secara atas talian. Antara ciri kebiasaan baharu pelaksanaan *sulh* atas talian iaitu:

- i- Borang daftar diperolehi secara atas talian;
- ii- Pendaftaran dan pembayaran atas talian;
- iii- Sesi Majlis *Sulh* diadakan secara virtual, sama ada kedua-dua pihak tidak hadir atau salah satu pihak hadir dan satu pihak sahaja secara virtual;
- iv- Endos perjanjian persetujuan terus dibuat melalui kamar *Sulh* secara *virtual*, tanpa perlu hadir ke dewan bicara; dan
- v- Perintah juga diperolehi secara atas talian.

Dari segi praktiknya Tuan Safarudin bin Urusli, Pegawai Sulh JKSNS menyatakan dalam temubual kasual sesuatu kes *sulh* hanya memerlukan tempoh minima sehari untuk diselesaikan

dalam jarak masa yang kurang dari 2 jam dan ia kadang-kadang melibatkan hanya sekali perjumpaan secara bersama (*joint session*) sama ada proses tersebut diselesaikan dengan hanya satu kali perjumpaan atau lebih bergantung kepada beberapa faktor:

1. Pegawai *Sulh* yang mengendalikannya;
2. Latar belakang sesuatu kes; dan
3. Kerjasama pihak-pihak iaitu kesediaan mereka untuk hadir dan berbincang dengan baik seterusnya bersedia bertolak ansur dalam tuntutan yang dibuat.

Sesetengah Pegawai *Sulh* menetapkan paling kurang 2 kali pertemuan untuk menyelesaikan sesuatu kes, di mana pertemuan yang pertama merupakan sesi perbincangan dan perundingan dan pertemuan kedua menandatangani perjanjian. Pendek kata, pihak-pihak diberikan ruang untuk berfikir tentang persetujuan yang telah dicapai sebelum menandatangi perjanjian persetujuan tersebut. Sesetengah Pegawai *Sulh* pula bergantung kepada kategori atau jenis kes yang dikemukakan, sama ada sukar atau mudah, kes-kes yang sukar kemungkinan memakan masa sehingga tiga kali pertemuan dan sebaliknya jika kes tersebut mudah dan ringkas contohnya pihak-pihak telah membuat persetujuan di luar Mahkamah dan datang ke mahkamah hanya untuk membuat endosmen terhadap perjanjian yang telah dipersetujui atau kes itu mendapat kerjasama yang baik dari kedua-dua pihak ia mungkin melibatkan satu kali perjumpaan sahaja.

Dalam apa juu keadaan di atas, ianya akan kembali kepada kesiapsediaan pihak-pihak untuk hadir. Kekangan yang lazim dihadapi oleh klien untuk hadir secara fizikal adalah faktor jarak yang jauh, contohnya Defendan berada di luar Negeri Sembilan iaitu Sabah. Ini memerlukan kos perjalanan udara dan darat, makan minum dan penginapan. Ada juga yang sukar mendapat pelepasan dari majikan dan akan dipotong gaji jika tidak hadir bertugas atau tiada pendapatan pada hari tersebut bagi klien yang bekerja / bermiaga sendiri. Oleh itu, sudah sampai masanya Mahkamah Syariah menyediakan perkhidmatan yang selari dengan keperluan pada masa kini.

3. Pindaan Undang-undang

Membuat pindaan terhadap Keadaan 9 – tatacara *sulh* yang terdapat dalam Kaedah-Kaedah Tatacara *Sulh* Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2016, untuk memperjelaskan bentuk kehadiran sama ada kehadiran fizikal ataupun secara atas talian.

4. Pemerkasaan Unit *Sulh*

YAA Dato Dr Mohd Naim Moktar sewaktu sesi kunjungan delegasi JKNS ke JKSM, 4 petang, 7 Ogos 2020 menzahirkan hasratnya selaku Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM agar memperkasakan Unit *Sulh* menjadi Bahagian Penyelesaian Pertikaian Alternatif (PPA) agar seiring dengan penubuhan Mahkamah Khas *hadhanah* dan nafkah anak seperti mana yang telah berjalan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP). Dalam pada itu, temubual kasual bersama tuan Abdullah Zuhdee, Hakim Mahkamah Rendah MSWP menyatakan pengukuhan dan penghususan kes di Mahkamah Khas ini didapati berupaya menyelesaikan kes *hadhanah* dan nafkah anak dalam tempoh kurang dari 6 bulan, berbanding 1 hingga 2 tahun atau lebih andai diselesaikan melalui perbicaraan di Mahkamah. Selaras dengan itu, pemerkasaan Unit *Sulh* menjadi Bahagian PPA dilihat mampu berdaya saing dengan kepantasan kes *hadhanah* dan nafkah anak yang dapat diselesaikan melalui prosiding Mahkamah. Ini terpakai dan memberi manfaat bagi klien yang tidak dapat mencapai sebarang persetujuan diperingkat *sulh* dan memanjangkan kes untuk diselesaikan secara pendengaran di Mahkamah.

5. Promosi

Menggiatkan promosi kepada orang awam kelebihan menyelesaikan kes *hadhanah* dan nafkah anak secara *sulh*.

6. Menguasai aplikasi teknologi terkini

Selain dari penguasaan dalam bab hukum syarak dan undang-undang, Pegawai *Sulh* perlu cepat menguasai ilmu pengetahuan dan meneroka alternatif-alternatif diluar kebiasaan seperti mendalami ilmu berkait teknologi internet agar dapat memenuhi keperluan semasa klien dan tidak lagi hanya tertumpu penyelesaian secara konvesional sahaja. Ianya juga secara tidak langsung boleh mencambah idea kepada klien seperti penggiliran jagaan anak melalui aplikasi maya yang banyak tersedia pada hari ini. Begitu juga pelbagai ruang yang boleh menjana pendapatan yang tercipta dihadapan mata juga melalui aplikasi maya, sebagai percambahan idea terutama kesukaran yang dihadapi oleh bapa untuk melunaskan nafkah anak disebabkan pendapatan terjejas akibat pandemik covid-19 . Justeru, kompetensi semua pihak dalam pengaplikasian teknologi terkini termasuk persediaan infrastruktur yang mencukupi juga perlu dititikberatkan.

Disamping itu, pengkaji berpendapat bahawa Pegawai *Sulh* juga perlu didedahkan dengan lain-lain kemahiran seperti menguasai ilmu melaksanakan perundingan dan membaca bahasa badan klien. Melalui kursus kemahiran sebegini, Pegawai *Sulh* akan belajar mengatasi perbezaan gaya komunikasi dan sebagai hasilnya, ini akan meningkatkan tahap kemahiran komunikasi dan kemahiran mengendalikan manusia. Kemahiran ini penting untuk melancarkan tugasan harian kerana berhadapan dengan pelbagai ragam klien. Keupayaan menguasai kemahiran perundingan dengan baik akan membantu Pegawai *Sulh* mengubah pendekatan atau tindakan untuk memperolehi keputusan yang lebih baik dari klien.

Rumusan

Kesimpulannya, kebiasaan baru yang diperkenalkan dan digunakan dalam pelaksanaan *Sulh* di Mahkamah Syariah adalah satu langkah dalam kerangka prinsip *Siyasah Syar'iyyah* yang mesti diikuti, dipatuhi serta diterimapakai selagi mana ianya tidak bertentangan dengan hukum Syarak. Kepatuhan terhadap amalan kebiasaan baru ini adalah kerana ianya merupakan arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Syarie Negeri Sembilan yang mendapat kuasa melalui pelantikan oleh Yang Di-Pertuan Besar atas nasihat Majlis berdasarkan seksyen 56, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, maka sewajarnya arahan kebiasaan baru ini diterima pakai oleh semua kakitangan dan mereka yang berurusan dengan Unit *Sulh* di Mahkamah Syariah.

Berdasarkan bukti yang dibincangkan pada bahagian sebelum ini, jelas bahawa *sulh* adalah mekanisme penyelesaian pertikaian alternatif yang sangat sesuai dan tepat masanya bagi Mahkamah Syariah untuk menumpukan penyelesaian perselisihan keluarga secara damai dan mengurangkan tunggakan kes. Seterusnya, kebiasaan baru ini dilihat mampu menambah baik proses *sulh* walaupun berhadapan isu dan cabaran sepanjang pelaksanaannya di musim covid-19 ini, bahkan terus kekal relevan sebagai pilihan klien bagi menyelesaikan pertikaian mereka dengan harmoni, jimat masa dan kos.

Rujukan

- Asmidah Ahmad. 2015. “Hak Penyertaan Kanak-Kanak Dalam Prosiding Sulh (Mediasi) Di Mahkamah Syariah.” *Journal of Advanced Research Design* 15(1):1–14.
- BSK. 2019. *Statistik Seksyen BSK JKSM*.
- Hanis Wahed. 2015. “Sulh : Its Application in Malaysia.” *IOSR Journal Of Humanities And Social Science (IOSR-JHSS)* 20(6):71.
- JKSM. 2013. *Kajian Keberkesanan Majlis Sulh Di Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia*.
- Mohd Amir Hj Arifin, and Jamalluddin Hashim. 2017. “Fungsi Penguatkuasaan Dan Pelaksanaan Perintah Nafkah Bahagian Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (BSK JKSM) Menurut Maqāṣid Al-Sharī‘ah.”
- Mohd Na’im bin Hj Mokhtar. 2020. *Application Of Mediation In Syariah Courts Of Malaysia*.
- Mohd Na’im Mokhtar. 2020. “Keynote Speech - Reformation of Syariah Judiciary Institution During

- Covid-19 Pandemic.” Pp. 18–22 in *YAA Dato Dr.* Vol. 3.
- Nadia Murshida Abd Azzis, and Alias Azhar. 2018. “Pendekatan Mediasi Dalam Tuntutan Hadanah: Kajian Di Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang.” *INternational Journal Of Law, Government And Communication* 3(9 JUNE 2018).
- Nora Abdul Hak, Ahmad Mukhlis Mansor, and Roslina Che Soh. 2019. “Literature Review On Mediation/Suhu In Resolving Child Custody Disputes In The Syariah Court In Malaysia.” P. 371 in *44th International Scientific Conference On Economic And Social Development*. Sreten Cuzovic.
- Nora Abdul Hak, and Hanna Ambaras Khan. 2013. “The Application of Suhu in Resolving Community Disputes.” in *1st World Congress on Integration and Islamicisation of Acquired Human Knowledge (FWCII-2013), Prince Hotel & Residence, Kuala Lumpur*.
- Nora Abdul Hak, and Sarafuddin Abdul Syahid Sowell. 2017. *Hakam (State Of Selangor) Rules 2014 : An Overview*.
- Nora Abdul Hak, and Umar A Oseni. 2011. “Syariah Court-Annexed Mediation in Malaysia-Some Problems and Prospects.” *Asian JM* 1–10.
- Nur Khalidah Dahlan, Mohd. Rizal Palil, Mohamad Abdul Hamid, and Noor Inayah Yaakub. 2017. “Kaedah Penyelesaian Konflik Alternatif Menurut Syariah Di Malaysia.” *Journal of Nusantara Studies (JONUS)* 2(1):86–98.
- Nurah Sabahiah Mohamed. 2013. “Mediation In The New Dispute Resolution Landscape; A Case For The Enhancement Of Its Application In Malaysia.” UM.
- Nurul Izzah Izzati Hashim, Wafaa Yusof, and Zuliza Mohd Kusrin. 2019. “Konsep Pengabaian Dan Kecuaian Kanak-Kanak Oleh Ibu Bapa Atau Penjaga Di Malaysia.” *Malaysian Journal of Syariah and Law* 7(1):57.
- Raihanah Hj Azahari. 2008. *Suhu Dalam Kes Kekeluargaan Islam*.
- Sa’odah Ahmad. 2012. *User Satisfaction With Suhu (Mediation) In The Selangor Syariah Judicial Department*. Vol. 19.
- Sa’odah Ahmad, and Nora Abdul Hak. 2010. “Family Mediation And Suhu: An Alternative Dispute Resolution In Malaysia.” 7.
- Unit Suhu JKSNS. 2019. *Statistik Suhu JKSNS*.
- Zanariah Noor. 2012. “Isu-Isu Berbangkit Dari Hak Hadanah Dan Hak Perwalian Anak.” *Shariah Journal* 20(1):123–44.

CARIAN INTERNET

Berita Harian (5 Mei 2020). <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/05/685425/jksns-dahulukan-kes-mendesak>

Berita Harian (Julai 2020). <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/716732/guna-istilah-penjarakan-fizikal-untuk-covid-19>

SENARAI JADUAL

Jadual 1 : Banding beza antara penyelesaian secara Majlis *Sulh* dengan pendengaran kes dalam kes *hadhanah*

Jadual 2: Statistik *sulh* bagi kes *hadhanah* dan nafkah di JKSNS, 2014-2018.

SENARAI RAJAH

Rajah 1 : Statistik tuntutan mengubah perintah *hadhanah* dan nafkah anak seluruh Malaysia (2015 - 2019)

Rajah 2 : Carta Alir *Sulh*. Sumber - ilustrasi pengkaji dengan rujukan terhadap Arahan Amalan Mahkamah Syariah No 7 Tahun 2015, risalah *Sulh* Kit JKSNS serta pemerhatian proses Majlis *Sulh* di Mahkamah Syariah daerah Seremban.

SENARAI STATUT

Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342)

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003

Enakmen Tatacara Mal (Negeri Sembilan) 2003

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003

Kaedah-Kaedah Tatacara *Sulh* (Negeri Sembilan) 2012

Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020

Perlembagaan Persekutuan

SENARAI SINGKATAN

EPAINS 2003	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003
ETMNS 2003	Enakmen Tatacara Mal (Negeri Sembilan) 2003
EUKINS 2003	Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003
JBG	Jabatan Bantuan Guaman
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
JKSNS	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KTSNS 2012	Kaedah-Kaedah Tatacara <i>Sulh</i> (Negeri Sembilan) 2012
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MKSNS	Manual Kerja <i>Sulh</i> Negeri Sembilan
OKU	Orang Kurang Upaya
PGSM	Persatuan Peguam Syarie Malaysia
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKPB	Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat
PPA	Penyelesaian Pertikaian Alternatif
SOP	Prosedur Operasi Standard
YA	Yang Arif

SENARAI KES

Aneeta Azah binti Mustafa lwn Zamhari bin Arpi. Di Dalam Majlis Sulh Daerah Seremban, Kes Tuntutan Nafkah Anak, Kes Mal No : 35005-01-024-0018-2020

Fatimah Sham binti Salehan lwn Mohd Saifuldin bin Abdullah. Kes tidak dilaporkan. Di Dalam Majlis Sulh Daerah Seremban, Kes Tuntutan Mengubah Perintah Nafkah Anak, Kes Mal No :35100-01-022-0114-2020

Hishamudin bin Hashim lwn Norjannah binti Mohd Yasin. Kes tidak dilaporkan. Di Dalam Mahkamah Tinggi Syariah Daerah Seremban, Kes Tuntutan Hadhanah, Kes Mal No : 05200-028-0280-2017

Mohd Zailani bin Mohamad lwn Roslinda binti Ismaili. Kes tidak dilaporkan. Di Dalam Majlis Sulh Daerah Seremban, Kes Tuntutan Hadhanah, Kes Mal No : 35100-01-028-0081-2020

Muhammad Jibrail Idil Amin bin Aluwi lwn Nor Shafika binti Mohd Yunus. Kes tidak dilaporkan. Di Dalam Mahkamah Tinggi Syariah Daerah Seremban, Kes Tuntutan Hadhanah, Kes Mal No : 05200-028-0056-2018

Muslime bin Umar lwn Siti Nor Hida binti Abdul Rahman. Kes tidak dilaporkan. Di Dalam Majlis Sulh Daerah Seremban, Kes Tuntutan Mengubah Perintah Hak Hadhanah, Kes Mal No : 35100-01-025-0089-2020

Noor Azizah binti Ab Rashid lwn Mohd Azam. . Kes tidak dilaporkan. Di Dalam Majlis Sulh Daerah Seremban, Kes Tuntutan Nafkah Anak, Kes Mal No :35005-01-024-0004-2020

Noor Azizah binti Ab Rashid lwn Mohd Azam. Kes tidak dilaporkan. Di Dalam Majlis Sulh Daerah Seremban, Kes Tuntutan Hadhanah, Kes Mal No : 35200-01-028-0018-2020

Noriza binti Shamsuddin lwn Muhammad Abu Handhalah bin Idrus. . Kes tidak dilaporkan. Di Dalam Majlis Sulh Daerah Seremban, Kes Tuntutan Nafkah Anak, Kes Mal No : 35008-01-024-0051-2020

Nur Hayatul Shimah binti Yahya lwn Jalalludin bin Ibrahim. Kes tidak dilaporkan. Di Dalam Mahkamah Tinggi Syariah Daerah Seremban, Kes Tuntutan Hadhanah, Kes Mal No : 05200-028-0902-2018

Nur Ihsan bin Abdul Aziz lwn Marlidyawati binti Monid. Kes tidak dilaporkan. Di Dalam Mahkamah Tinggi Syariah Daerah Seremban, Kes Tuntutan Hadhanah, Kes Mal No :05200-028-0210-2015

Nurul Ain binti Adnan lwn Aminuddin bin Mohd Nawi. Kes tidak dilaporkan. Di Dalam Majlis Sulh Daerah Seremban, Kes Tuntutan Nafkah Anak, Kes Mal No : 35008-01-024-0025-2020

Nurul Idayu binti Mohmad Roslan lwn Muhammad Farhan bin Mohamad Ramlie. Kes tidak dilaporkan. Di Dalam Majlis Sulh Daerah Seremban, Kes Tuntutan Hadhanah, Kes Mal No : 35100-01-028-0079-2020

Zulhelmi bin Yahya lwn Zuraini binti Zulkapli. Kes tidak dilaporkan. Di Dalam Majlis Sulh Daerah Seremban, Kes Tuntutan Mengubah Perintah Nafkah Anak, Kes Mal No : 35009-01-022-0241-2020